



---

**SELASA, 5 MAC 2024  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**HELIKOPTER TERHEMPAS BERDEKATAN PULAU ANGSA, KLANG,  
SELANGOR**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan sebuah helikopter model AW139, nombor pendaftaran M72-01, yang dikendalikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah terhempas di perairan Pulau Angsa, Klang, Selangor pada Selasa, 5 Mac 2024. Helikopter berkenaan telah berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor pada pukul 9.10 pagi bagi latihan penerbangan.

Hubungan terakhir pesawat dengan pegawai kawalan trafik udara dilaporkan pada pukul 9.20 pagi, namun tiada panggilan kecemasan diterima. Pusat Koordinasi Menyelamat Aeronautika Kuala Lumpur (KLARCC) di Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) diaktifkan serta merta untuk mengenal pasti lokasi helikopter.

Terdapat empat penumpang termasuk juruterbang berada dalam helikopter tersebut dan tiada kehilangan nyawa dilaporkan. Kesemua yang terselamat telah dibawa dengan helikopter penyelamat dan mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah pada pukul 10.58 pagi. Siasatan akan dijalankan oleh APMM.

**DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia